

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI
WAN ISMAIL
(PERMATANG PAUH)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramai kakitangan Malaysia Airline (MAS) yang telah diberhentikan sejak daripada pengstrukturannya MAS, dan langkah-langkah Kerajaan menangani masalah mereka dan sejauh mana komitmen telah dilaksanakan bagi memastikan mereka mendapat peluang pekerjaan dan berapakah jumlah yang telah mendapat pekerjaan berbanding yang tidak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Pelan

Pemulihan Malaysian Airline System Bhd (MAS) yang telah dilancarkan oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) pada 29 Ogos 2014, Malaysia Airlines Bhd (MAB) pada awalnya dianggarkan memerlukan seramai 14,000 orang pekerja untuk beroperasi. Namun demikian, bagi menyesuaikan saiz tenaga kerja MAB berdasarkan keperluan perniagaan semasa syarikat penerbangan tersebut, hanya kira-kira 13,000 pekerja MAS ditawarkan pekerjaan bermula 1 September 2015, manakala kira-kira 4,000 orang pekerja MAS telah meninggalkan syarikat secara kekal pada 31 Ogos 2015.

Kira-kira 3,000 pekerja anak syarikat iaitu Firefly, MASkargo dan MASwings pula tidak tertakluk kepada penyesuaian saiz tenaga kerja ini. Daripada 13,000 orang yang telah ditawarkan pekerjaan, kira-kira 4,000 diberi kontrak jangka pendek oleh MAB dengan tempoh kontrak yang berbeza-beza sehingga 31 Ogos 2016.

Bagi memastikan proses pemberhentian pekerja ini dilaksanakan secara profesional, adil dan berperikemanusiaan, mereka yang telah meninggalkan MAS diberi pakej pampasan penamatan perkhidmatan berdasarkan formula yang sama seperti termaktub di bawah Perjanjian Kolektif sedia ada. Bayaran pakej pemberhentian telah diagihkan bermula pada 7 September 2015

dengan melibatkan jumlah keseluruhan sehingga RM1.5 bilion. Pakej ini termasuklah faedah perubatan untuk 12 bulan selepas ditamatkan perkhidmatan dan bayaran tambahan kepada pekerja kurang upaya, ibu tunggal serta pasangan suami isteri yang mana kedua-duanya tidak ditawarkan pekerjaan di MAB.

Khazanah pada 1 Jun 2015 telah menubuhkan Pusat Pembangunan Korporat atau *Corporate Development Centre* (CDC) iaitu sebuah pusat latihan untuk membantu pekerja-pekerja yang terjejas akibat penyesuaian saiz tenaga kerja MAB. CDC menawarkan penempatan percuma dan perkhidmatan latihan kepada pekerja yang meninggalkan MAS termasuklah pemprofilan bakat, kaunseling kerjaya, latihan asas dan terperinci, kemahiran pencarian kerjaya, keusahawanan, perancangan persaraan serta penempatan.

Memandangkan CDC merupakan sebuah organisasi peralihan dan bukannya agensi mencari pekerjaan, adalah sukar untuk menentukan bilangan sebenar bekas pekerja MAS yang telah mendapat pekerjaan baru. Oleh itu, kayu pengukur bagi menilai keberkesanan CDC adalah berdasarkan kejayaannya untuk meningkatkan kebolehpasaran (*marketability*) golongan ini dengan mempersiapkan mereka dengan kemahiran tertentu dan bukan

berdasarkan jumlah pekerjaan yang berjaya diperolehi untuk bekas kakitangan MAS.